

12 JAN 2003

Sukan-Skuasy (Presiden)

MOKHZANI PRESIDEN BARU SRAM

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Ahli perniagaan, Datuk Mokhzani Mahathir hari ini dipilih presiden Persatuan Raket Skuasy Malaysia (SRAM) bagi penggal 2003-2004 pada mesyuarat agung tahunan ke-30 persatuan itu.

Mokhzani, yang sebelum ini memangku jawatan itu, mengambil alih daripada Datuk Nik Mohamed Din yang meletak jawatan Oktober lepas kerana masalah kesihatan.

Mesyuarat itu juga memilih bekas pengurus bolasepak Selangor, Datuk Mohamad Aini Taib, sebagai naib presiden bagi menggantikan Paul Moe yang tamat tempoh perkhidmatannya.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat di Wisma OCM di sini, Mokhzani yang pernah menerajui Persekutuan Skuasy Asia, berkata tumpuan akan diberi kepada usaha memacu persatuan ke tahap lebih tinggi selepas kejayaan beberapa pemain negara di beberapa kejohanan antarabangsa tahun lepas.

"SRAM akan merangka program 2003 minggu depan yang akan memberi tumpuan kepada usaha melahirkan lebih ramai pemain muda," katanya.

Mokhzani menggesa persatuan di peringkat negeri memainkan peranan aktif mempromosi sukan itu serta merangka program pembangunan masing-masing.

Katanya, persatuan di peringkat negeri harus mencari sumber kewangan sendiri untuk menjalankan akitiviti masing-masing selain daripada bantuan kewangan SRAM.

--BERNAMA

JAI RV MAI